

**PANGROK SULAP: SEDEKAD MEMETAKAN MASA LALU,
MENGUKIRKAN MASA HADAPAN
*PANGROK SULAP: A DECADE MAPPING THE PAST TO
CARVE THE FUTURE***

EKO PRAYITNO JOKO¹ MUHAMMAD HELMY ABDUL GAPAR²
SHARIFAH NURSYAHIDAH SYED ANNUAR³

¹Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS),
88400 Kota Kinabalu, Sabah

²Institut Kajian Etnik Malaysia (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 Bangi, Selangor

³Program Sains Politik, Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 Bangi, Selangor

ekoprayitnojoko@ums.edu.my

Tarikh dihantar: 29 September 2020 / Tarikh diterima: 11 November 2020

ABSTRAK Perjalanan sejarah Sabah dalam Malaysia telah berusia selama 57 tahun lamanya. Dalam tempoh tersebut, matlamat penubuhan Malaysia untuk menjadikan Sabah setanding dengan kemajuan di Tanah Melayu masih jauh daripada yang diharapkan. Hakikat ini dapat dilihat apabila kedudukan Sabah diletakkan sebagai antara negeri termiskin di Malaysia sedangkan negeri tersebut kaya dengan hasil buminya. Konsep “sama rasa, sama raya” yang pernah dikemukakan oleh Pak Sako di Tanah Melayu sepatutnya dipanjangkan matlamatnya sehingga ke Malaysia Timur agar kemajuan bersama dapat direalisasikan secepat mungkin. Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan, sudah pasti persoalan ‘penentangan’, ‘kritikan’ dan ‘kemarahan’ daripada rakyat Sabah tidak akan ‘mengisi’ laporan akhbar, karya seni mahupun medium bersuara lainnya. Malangnya, keinginan tersebut masih ‘tertunda’ sehingga kini sedangkan kitaran ganas kemiskinan, kemusnahan flora dan fauna, kronisme, kemandulan intelektual serta pelbagai ‘penyakit’ lainnya tumbuh subur tanpa mampu dikekang oleh puncak kuasa sedia ada. Atas faktor ini munculnya kritikan daripada kolektif Pangrok Sulap yang lahir daripada ‘ideologi punk’ untuk mengabdikan kepada masyarakat bawahan dan menentang segala bentuk penindasan, eksploitasi dan penyalahgunaan kuasa yang memiskinkan rakyat serta memusnahkan khazanah warisan Sabah. Oleh itu, penulisan ini akan menelusuri peranan Pangrok Sulap dalam mengangkat permasalahan masyarakat dan persekitarannya, sekali gus membolehkan literasi masyarakat tentang kewujudannya di Malaysia dapat diperluaskan. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, penulisan ini menggunakan kaedah temu bual sebagai sumber utama penulisan kerana

kebanyakan maklumat berkenaan Pangrok Sulap belum didokumentasikan dan kekal dalam bentuk memori kolektif dalam kalangan anggotanya. Kini, telah sedekad lamanya Pangrok Sulap bersinggungan langsung dengan masyarakat dan lingkungannya sehingga membolehkan kolektif ini dianggap sebagai 'kotak suara' masyarakat terpinggir.

Kata kunci: Pangrok Sulap, seni cetakan kayu, aktivis seni, Sabah, Malaysia.

***ABSTRACT** The historical journey of Sabah in Malaysia has been going on for 57 years. During this period, the objectives of Malaysia's formation to make Sabah on par with the progress in Malaya is still far from expected. This fact can be seen when Sabah is positioned as one of the poorest states in Malaysia although the state is rich in natural resources. The concept of "sama rasa, sama raya" (equally) that was put forward by Pak Sako in Malaya should be extended its aims to the East Malaysia so that mutual progress can be realized as soon as possible. If this can be done, it is certain that the questions of 'resistance', 'criticism' and 'anger' from the people of Sabah will not 'fill in' the newspaper reports, artwork, or other voice medium. Unfortunately, the desire is still 'behind' until now while the vicious cycle of poverty, destruction of flora and fauna, cronyism, intellectual sterility, and various other 'diseases' are flourishing without being able to be constrained by the existing powers. Due to this factor, criticism emerged from the Pangrok Sulap collective that was born from 'punk ideology' to serve the lower class and oppose all forms of oppression, exploitation and abuse of power that impoverishes the people and destroys the Sabah's heritage treasures. Therefore, this paper will explore the role of Pangrok Sulap in raising the problems of society and its setting, as well as public literacy about its existence in Malaysia can be expanded. In order to achieve that goal, this paper uses the interview method as the main source because most of the information about Pangrok Sulap has not been documented and remains in the form of collective memory among its members. Now, for a decade, Pangrok Sulap has been directly involved with the communities and its environment, allowing this collective to be considered as a 'voice box' of the marginalized communities.*

Keywords: Pangrok Sulap, woodcut, art collective, Sabah, Malaysia.

PENGENALAN

Dalam konteks perkembangan sejarah Malaysia, usaha mengangkat permasalahan masyarakat antaranya dipelopori oleh golongan seniman yang dikemukakan melalui penulisan sajak, cerpen, novel dan kartun propaganda. Perkara ini membuktikan bahawa karya seni adalah ‘kotak suara’ masyarakat kebanyakan yang tidak terbela, terpinggir dan tertindas. Maka, adalah tidak asing untuk menemui nama Rahim Kajai, Pak Sako, Usman Awang dan Harun Aminurrashid dalam lembaran sejarah rakyat mahupun sejarah alternatif di Malaysia yang sekian lama mengabadikan perjuangan mereka kepada ‘masyarakat tanpa suara’. Perjuangan tersebut yang dilakukan di Tanah Melayu dan Singapura turut mendapat perhatian masyarakat di Borneo kerana menghadapi nasib yang sama. Akibatnya, muncullah nama seperti K. Bali, Jamdin Buyong dan Mursidi Nambi yang menggunakan seni sebagai medium menyedarkan masyarakat terjajah akan bahaya kemiskinan, kemunduran dan penerusan penjajahan. Kini, legasi penjajah masih berlangsung melalui sistem kapitalisme yang mereka tinggalkan kepada negara bekas jajahan dan memberi mudarat kepada masyarakat tempatan. Keadaan ini disebabkan keserakahan kapitalis mengekalkan ‘putaran ganas kemiskinan’, pembangunan yang tidak seimbang atas nama ‘pemodenan’ serta mengancam kepupusan “warisan tidak tampak” dalam kalangan masyarakat moden.

Menyedari masalah yang terus berkelangsungan ini menyebabkan munculnya gerakan anak muda yang menyuarakan kritikan mereka melalui seni cetakan kayu. Gerakan ini yang dikenali sebagai Pangrok Sulap mengangkat persoalan lokal dan nasional melalui karya mereka dalam bentuk lukisan, poster, baju dan *patches*. Mudah-mudahan, kolektif ini berusaha ‘menasionalkan persoalan lokal’ dan ‘mengglobalkan persoalan nasional’ kerana percaya seni adalah salah satu medium terbaik dalam menyuarakan kritikan atas penindasan dan kepincangan yang dialami masyarakat. Dengan kepercayaan bahawa “seni untuk masyarakat”, maka banyak kritikan yang dilontarkan sangat kritikal kepada pemerintah mahupun pihak kapitalis yang memungkinkan kelak akan didengari sekali lagi semboyan 70 tahun iaitu “hubaya, hubaya, bahaya dari gunung”. Meskipun kini, nama Pangrok Sulap sudah dikenali seantero dunia dan menjadi bualan harian masyarakat Malaysia, genealogi kemunculannya tidak pernah ditelusuri secara mendalam. Oleh

itu, penulisan ini akan menelusuri sejarah kemunculan Pangrok Sulap bukan melalui teori yang serba meninggi, tetapi dengan fakta dan contoh. Dengan itu, pengetahuan tentang Pangrok Sulap yang sekian lama bersifat kabur akan menjadi terang, sekali gus membentuk literasi baharu mengenainya.

ESTETIKA SENI SEBAGAI MEDIA KESEDARAN

Persoalan estetika adalah salah satu daripada cabang ilmu yang berkaitan dengan aspek keindahan dan cita rasa dalam falsafah seni. Kedudukannya dalam perkembangan ilmu pengetahuan telah dimulakan sejak era ketamadunan Yunani yang berusaha mengemukakan persoalan kebenaran dalam memahami fenomena sosial yang diperhatikan. Oleh hal yang demikian, estetika berasal daripada perkataan Yunani iaitu (i) *aistetika* yang membawa maksud sebarang perkara yang dapat dicerap oleh pancaindera atau (ii) *aisthesis* yang bermakna pencerapan pancaindera (The Liang Gie, 1976: 15). Kehadiran sebagai salah satu wacana kebenaran ilmu pengetahuan semasa era ketamadunan Yunani dapat diperhatikan melalui pendekatan mimetik yang terkandung dalam pemikiran Plato dan Aristotle. Dalam hal ini, Plato menganggap karya seni (estetika) berada di bawah ‘kenyataan’ (kebenaran) kerana hanya merupakan peniruan dari peniruan yang berada dalam fikiran manusia sehinggakan dunia pengalaman yang menghasilkan karya sastera tidak mewakili realiti yang sebenar. Pandangan Plato ini sangat dipengaruhi oleh konsep dunia idea yang dikemukakannya sebagai suatu yang tidak berubah, bersifat tunggal dan universal kerana tidak dipengaruhi oleh kecenderungan subjek mahupun alam (M. Nur, 2012: 2–3; Sudarminta, 2002: 21). Dengan makna lain, indera bukan objek pengetahuan, tetapi objek pandangan atau pencerapan indera bukan pengetahuan melainkan pandangan sahaja kerana selalu berada dalam perubahan dan berkemungkinan salah (Baima, 2015: 11; Russell, 1993: 186–187). Justeru, Plato sampai kepada kesimpulan bahawa tukang lebih mulia berbanding seniman memandangkan seni sekadar menimbulkan emosi dan bukannya rasional (Teeuw, 1984: 221). Walau bagaimanapun, wacana tandingan yang dihasilkan oleh Aristotle menyatakan seniman bukan hanya melakukan peniruan, tetapi juga menghasilkan ‘kebaharuan’ yang bersifat universal melalui kenyataan inderawi yang diperolehnya. Tanggapan yang dikemukakan ini adalah bersandarkan kaedah empiris yang

membawa perubahan daripada dunia idea kepada dunia realiti memandangkan ‘kenyataan’ merupakan dunia nyata yang pelbagai, relatif serta berpangkalan kepada sesuatu yang benar-benar wujud dan bersifat umum (Verhaak, 1991: 9–11; Sahakian, 1968: 66–67).

Pendekatan mimetik yang dimunculkan semasa era ketamadunan Yunani ini kemudiannya dikembangkan dalam pelbagai bentuk teori estetika pada abad ke-18 apabila istilah ‘estetika’ mula dikembangkan dan dikaitkan dengan falsafah keindahan. Semenjak itu, perkembangan sejarah seni memperlihatkan saintis sosial dan kemanusiaan cenderung memposisikan perbincangan estetika dengan sebuah keindahan yang terhasil melalui pencerapan indera dan kemudiannya menimbulkan kesenangan tanpa kepentingan. Hakikat ini dapat dilihat antaranya dalam tulisan Immanuel Kant (1724–1804), Alexander Baumgarten (1714–1962), Bernald Bosanquet (1848–1923) dan Jones Cosn (1869–1947) yang membincangkan tentang teori keindahan dan teori seni dalam perbincangan sejarah pemikiran, sekali gus mengangkat hakikat seni sebagai menentukan estetika. Dalam makna lagi, estetika hanya difahami dalam konteks yang sempit kerana dipercayai tidak menghadirkan sesuatu selain daripada ‘nilai’ sebuah keindahan. Dogma ini yang sekian lama menghuni pemikiran masyarakat dunia terus berkelanjutan sehingga kini, sekali gus menghasilkan polemik antara seniman berkaitan kedudukan (i) seni untuk seni dan (ii) seni untuk masyarakat. Akibatnya, nilai estetika sebuah karya seni yang dihasilkan cenderung dibahaskan bersandarkan kepada stratifikasi kelas sosial kerana menganggap bukan kesedaran manusia yang menentukan keberadaannya, tetapi keberadaan sosial yang akan menentukan kesedarannya (Marx, 1859). Atas pandangan ini, maka dapat diperhatikan fahaman ‘seni untuk seni’ tumbuh dan membesar di Eropah pada abad ke-19 sehingga fahaman tersebut tidak mementingkan persoalan tujuan dalam penghasilan sesuatu karya seni (Plekhanov, 2007: 1). Sarjana aliran pemikiran ini mengungkapkannya bahawa matlamat penghasilan sesebuah karya seni adalah untuk mendapatkan ‘keseronokan tertinggi’ dan kepuasan diri sendiri serta menitikberatkan persoalan estetika berbanding fungsi sosialnya. Dengan itu, adalah tidak menghairankan apabila Benjamin Constant menyatakan falsafah ‘seni untuk seni’ tidak mempunyai fungsi dan tujuan kerana penekanan kepada aspek terbabit hanya akan mencatatkan seni itu sendiri (Yahya Ismail, 1967: 122).

Meskipun begitu, pandangan ‘seni untuk seni’ semakin dicabar menjelang abad ke-19 dan mendapat tempat istimewa dalam kalangan saintis sosial dan kemanusiaan di Rusia. Pertentangan antara konsep ‘seni untuk seni’ dan ‘seni untuk masyarakat’ yang diungkapkan secara jelas dalam kesusasteraan progresifnya pada tahun 1860-an membuka lembaran baharu dalam lapangan seni dunia. Dengan itu, pemaknaan seni menjadi lebih meluas disebabkan tidak terikat dengan identiti milik ‘orang kaya’ dan ‘golongan elite’, manakala wacana tentangnya pula tidak lagi terperangkap dalam perbahasan berkaitan persoalan “estetika”, tetapi juga makna di sebalik karya tersebut. Wacana tandingan ini sangat terserlah dalam tulisan Chernyshevsky (1828–1889) yang menyatakan nilai sesebuah karya seni sangat ditentukan oleh jumlah pengetahuan (manfaat) yang mampu disebarluaskannya kepada masyarakat (Chernyshevsky, 1906: 33–34; Plekhanov, 2007: 1–2). Pandangan selari juga dapat ditemukan dalam penulisan Dobrolyubov (1836–1861) yang membahaskan hubungan estetika seni dengan realiti bahawa kedudukan seni bukan hanya mereproduksi kehidupan, tetapi juga menjelaskannya kerana hasil seni mempunyai tujuan untuk melakukan penilaian atas gejala-gejala kehidupan (Plekhanov, 2007: 1–2). Atas sebab itu, Lawrence Alloway (1926–1990) lebih tertarik untuk mencari hubungan antara seni dengan masyarakat dan menyatakan ketidaksetujuan terhadap kepercayaan seni harus hidup terpisah daripada budaya (Mohamad Kamal Abd. Aziz, 2016: 53). Wacana penstrukturan semula kedudukan seni ini juga terlihat jelas dalam penulisan Hilton Kramer (1928–2012) yang berjuang untuk masyarakat dengan melakukan anjakan daripada pemusatan kepada seni melalui sudut estetikannya kepada pengetahuan sosial (Kramer, 2009). Malahan, sudut pandang sedemikian semakin membesar apabila aliran pascamoden mewarnai perkembangan ilmu pengetahuan dunia dengan meletakkan estetika sebagai usaha pendidikan dan dekonstruksi terhadap ideologi dominan serta membangkitkan rasa keadilan. Justeru, kedudukan seni dan estetika yang sekian lama berpaksikan kepada persoalan ‘bebas nilai’ dan keindahan kembali diposisikan sebagai media yang efektif bagi menyedarkan masyarakat. Akibatnya, seni dan estetika tidak lagi diidentikan dengan kelompok elit dan seniman berbakat sahaja, tetapi juga menjadi milik masyarakat yang berfungsi mengekspresikan kehidupan sosial mereka (Ahmad Zaenuri & Wahyu Lestari, 2009).

Tanggungjawab ini yang dipikul dan disebarluaskan dalam gerakan Pangrok Sulap kerana menyedari pemaknaan ‘seni untuk seni’ merupakan suatu perkara yang bertentangan dengan falsafah kehidupan dan matlamat kemunculan mereka. Hal ini demikian kerana penerimaan konsep tersebut hanya memperbesarkan ruang kemungkinan keterpisahan masyarakat dengan seniman dan karyanya kerana seni dianggap tidak mampu bertindak sebagai agen pembebasan. Oleh itu, Pangrok Sulap cenderung mengangkat peranan ‘seni untuk masyarakat’ semasa ditemu bual, dalam wacana akademik mahupun penghasilan karya. Kebenaran akan perkara ini dapat diperhatikan apabila kebanyakan karya Pangrok Sulap tidak terlepas daripada tanggungjawabnya untuk mengangkat persoalan kemiskinan, penindasan, kepupusan flora dan fauna, pelestarian warisan tradisi, pembangunan yang tidak seimbang serta literasi masyarakat akibat keserakahan kapitalisme. Permasalahan ini sememangnya merupakan fenomena yang telah berlanjutan sekian lama di Malaysia amnya dan Sabah khususnya, tetapi kekal terpinggir akibat tidak menerima perhatian yang sewajarnya sehinggalah Pangrok Sulap mengangkatnya sebagai fokus penelitian mereka. Keprihatinan Pangrok Sulap kepada perkara terbabit membolehkan permasalahan masyarakat Sabah didengari sehingga ke peringkat nasional dan kemudiannya mendapat solidariti daripada masyarakat dunia.

Realiti kehidupan masyarakat terpinggir ini berjaya digerakkan ke ‘pusat’ apabila kerap dipamerkan di galeri utama negara, dilaporkan di media, diwacanakan di universiti serta mendapat perhatian daripada pihak berkuasa. Keadaan ini seterusnya membolehkan rakyat Malaysia mendengar kembali suara ‘korban penindasan’, ‘golongan miskin’ dan ‘kaum buruh’ dalam membentuk perjalanan sejarah negara. Atas komitmen Pangrok Sulap mengabdikan diri kepada masyarakat terpinggir dan persekitarannya serta menjadikan seni sebagai medium menyampaikan permasalahan dan keresahan masyarakat merupakan suatu perkara yang perlu dihargai dalam bentuk dokumentasi untuk pengetahuan masyarakat terkemudian. Perkara ini bukan hanya berfungsi menyebarkan peranan Pangrok Sulap sebagai ‘kotak suara’ kepada masyarakat dan hidupan di persekitarannya, tetapi juga mengetengahkan kedudukan seni dan estetika sebagai medium kesedaran masyarakat untuk membebaskan diri daripada belenggu kekuasaan yang menekan kehidupan mereka.

PANGROK SULAP: AWAL SEBUAH KEMUNCULAN DALAM PENTAS SEJARAH VISUAL MALAYSIA

Dari jejak rakaman sejarah, kehadiran Pangrok Sulap dalam gerakan sosial di Sabah tidak bermula di daerah Ranau, sebaliknya daripada gerakan yang mereka asaskan di Kota Kinabalu. Pada masa tersebut, meningkatnya frekuensi, intensiti dan cakupan dampak yang ditimbulkan oleh budaya penentangan terhadap *institutional authority* dan *cultural authority* mempengaruhi sekelompok anak muda yang berada di pinggiran bandar Kota Kinabalu. Nilai tanda ini dianggap sebagai jiwa kesedaran baharu dalam kalangan anda muda terbabit yang merasakan diri mereka ditindas oleh sistem sedia ada. Kesedaran baharu ini selari dengan makna yang dinyatakan oleh Goenawan Mangunkusumo sebagai ‘suatu jiwa, suatu idea dan sikap rohani daripada masyarakat yang diikat oleh persamaan nasib, persamaan sejarah dan persamaan cita-cita untuk membentuk kehidupan yang lebih baik’ (Abdulgani, 1976: 17). Perkara ini tidak menghairankan kerana kebanyakan daripada mereka berasal daripada keluarga sederhana, mendiami kawasan luar bandar – pedalaman, tetapi disatukan oleh kesedaran yang sama melalui ketertarikan kepada budaya *punk* sebagai “kesatuan masyarakat di luar kerajaan”. Ketertarikan ini disebabkan prinsip utama yang dianjurkan oleh gerakan *punk* sangat dekat dengan jiwa mereka untuk bersikap mandiri melalui etika, *Do it Yourself* (DIY), sekali gus mengelakkan kebergantungan secara berlebihan kepada *cultural goods* kapitalis (Moran, 2010; Makagon, 2015 dan Sharifah Nursyahidah Syed Annuar *et al.*, 2016).

Pada masa yang sama, kelompok anak muda ini juga tertarik dengan dukungan *punk* terhadap idea persamaan, sikap antikemapanan, antipenindasan dan semangat solidariti yang semakin terhakis dalam kalangan masyarakat moden. Prinsip hidup sedemikian kemudiannya disimbolkan melalui pemberontakan semiotik yang diaplikasikan pada gaya berpakaian, muzik dan juga gerakan aktivisme. Tindakan ini adalah sebagai ekspresi mereka dalam menanggapi persoalan kekosongan dan ketidakbermaknaaan terhadap hegemoni dan budaya dominan. Secara umumnya, ideologi *punk* yang melawan budaya konsume dan konsumtif digerakkan dan disebarluaskan oleh kelompok anak muda ini semasa menetap di Beverly Hill pada tahun 2008, sekali gus mengidentitikan diri mereka sebagai *Beverly Brigade* (temu

bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Kewujudannya dilatarbelakangi oleh beberapa individu yang berkecimpung dalam lapangan kesenian, arkitek dan mahasiswa serta memainkan peranan penting dalam menggerakkan *scene punk* di sekitar Kota Kinabalu. Walaupun belum membentuk Pangrok Sulap sebagai wadah menyampaikan ‘pesan politik’, tetapi mereka sudah menyuarakan permasalahan masyarakat sebagai simbol perlawanan, kreativiti dan tanda kepedulian. Justeru, kehadiran *Beverly Brigade* adalah sebagai ruang sosial dan wadah pengungkapan diri anak muda yang menentang kepincangan sistem, lalu menjadikannya sebagai sumber menyampaikan protes dan pesan politik mereka.

Walau bagaimanapun, adalah tidak berlebihan untuk menyatakan bahawa gerakan kesedaran yang dibawa oleh kolektif *Beverly Brigade* lebih memfokuskan kepada lapangan muzik, diikuti dengan penghasilan karya seni dan menjayakan kerja kemasyarakatan lainnya. Kesedaran sebegini dibentuk melalui persinggungan langsung anggotanya terhadap persekitaran yang penuh dengan penindasan, diskriminasi, ketidakadilan dan ketidakseimbangan pembangunan. Malahan, kesedaran ini kemudian diperbesarkan melalui rangkaian perhubungan anggota kolektif dengan *band Punk* dari luar negara dan Malaysia Barat yang kerap menetap sementara di pusat pergerakan mereka yang dikenali sebagai “Neraka-14”. Hasil daripada wacana yang dimunculkan membolehkan banyak perkongsian diperoleh tentang keperluan memperbanyakkan bacaan bagi mendapatkan pemikiran yang kritis serta kaedah menggerakkan organisasi. Kesedaran tersebut diperkukuhkan lagi melalui penelitian anggotanya terhadap lirik lagu, bacaan *zine* dan *newsletter* yang membahaskan tentang masalah politik, lingkungan hidup, ekonomi, ideologi, sosial dan bahkan masalah agama. Daripada lingkaran ini kemudiannya menyaksikan kolektif terbabit menuangkan idea dan perjuangan mereka melalui penghasilan lagu untuk *band Made in Kilang* (di anggotai oleh Rizo Leong, Awang Sulfallah, Noh dan Ladem Nazri) antaranya ‘*In This Situation*’, ‘Merdekakah Kita?’, ‘Berita Nasional’ dan ‘Anjing-Anjing’ yang sarat dengan kritikan terhadap *institutional authority* dan *cultural authority*.

Di samping mencipta lagu dan bermain muzik, kolektif *Beverly Brigade* juga aktif menjalankan aktiviti kemasyarakatan terhadap kelompok terpinggirkan, masyarakat bawahan dan kelompok buruh. Hakikat ini

dapat dilihat apabila rumah “Neraka-14” di Beverly Hill menjadi tumpuan kelompok *Punk* dan aktivis kemasyarakatan dalam menjayakan aktiviti yang telah dirancang. Sepanjang kewujudannya, kolektif ini terlibat secara langsung dalam gerakan *Food Not Bombs* (FNB) di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu dengan menyediakan makanan percuma kepada masyarakat yang memerlukan (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020 dan, Agus Sto, 15–25 Oktober 2020). Penglibatan anggotanya dalam gerakan ini adalah selari dengan falsafah awal kemunculan *FNB* di Boston, Amerika Syarikat yang menentang pembangunan ketenteraan negara secara berlebihan sehingga mengabaikan keperluan asas manusia. Dalam hal ini, kenyataan daripada Dwight D. Eisenhower bahawa “*every gun that is made, every warship launched, every rocket fired signifies, a theft from those who hunger and are not fed, those who are cold and are not clothed*” dijadikan landasan perjuangan gerakan *FNB* Kota Kinabalu (Susan Ratcliffe, 2016). Pada ketika itu, gerakan *FNB* banyak digerakkan oleh kelompok *Punk* yang dilakukan secara berkala semasa merayakan *earth day*, acara gig dan kegiatan non – profit lainnya, tetapi kurang ditonjolkan dalam media sosial kerana medium tersebut belum meluas sifatnya.

Penglibatan kolektif *Beverly Brigade* dalam gerakan *FNB* ini adalah berasaskan *solidarity not charity* sebagai suatu konsep gotong-royong yang dipopularkan oleh Peter Kropotkin (Peter Kropotkin, 1902). Melalui konsep ini, orang datang secara bersama dan saling mendukung tanpa campur tangan daripada institusi kerajaan mahupun budaya. Oleh sebab itu, gerakan *FNB* adalah sikap dan aksi politik yang ditunjukkan oleh kolektif terbabit dalam menentang perlakuan kekerasan, kemiskinan dan penindasan menuju sebuah masyarakat yang sejahtera, sekali gus memberikan suatu model untuk masa depan. Maka, tidak menghairankan apabila kesedaran yang dibentuk oleh anggotanya tentang konsep sama rasa, sama rata melalui *FNB* semakin membesar dan diteruskan oleh Dapur Jalanan Kota Kinabalu, Borneo Komrad, Terjebak Komuniti dan KARMA melalui semboyan makanan adalah hak asasi untuk semua. Di samping itu, penglibatan aksi langsung anggota kolektif terhadap persekitarannya juga dapat dilihat apabila kerap menjayakan kempen kesedaran berbentuk gotong royong akibat pencemaran alam sekitar yang semakin berleluasa. Dalam konteks Kota Kinabalu, pencemaran ini dapat dilihat di sepanjang pantai, sungai dan kawasan bandar itu sendiri

menyebabkan keseimbangan ekosistem semakin terganggu dan memerlukan tindakan segera untuk mengatasinya. Atas faktor tersebut, gerakan perlawanan masyarakat dibentuk oleh komuniti *Punk* di sekitar Kota Kinabalu yang turut melibatkan anggota kolektif *Beverly Brigade* bagi mendesak perubahan peraturan yang kurang praktikal serta mengkritik budaya ketidakpedulian dalam kalangan masyarakat kebanyakan.

Antara kawasan yang menjadi tumpuan pelaksanaan kempen kesedaran ini adalah di sekitar pantai Tanjung Aru kerana menjadi pusat pertemuan masyarakat untuk beriadah, berkumpul dan menikmati keindahan pantainya. Namun, kedudukannya sebagai pusat perkumpulan, pertemuan dan perkongsian menjadikannya antara kawasan tercemar dengan sampah, sekaligus berpotensi menghilangkan keindahan yang sekian lama dinikmati serta merosakkan keseimbangan ekosistem di laut. Maka dengan itu, beberapa siri gotong royong di pantai Tanjung Aru telah disertai oleh anggota kolektif *Beverly Brigade* sebagai tanda keprihatinan terhadap permasalahan terbabit. Pada masa sama, kolektif ini juga mengikuti secara dekat wacana kesedaran alam sekitar yang dikemukakan oleh komuniti *Punk* di Malaysia Barat dan antarabangsa melalui medium penulisan sebagai ruang perkongsian idea dan praktik. Malahan, mereka juga kemudiannya terlibat dalam menjayakan penganjuran bengkel oleh PopRina yang bertemakan “mari berkolektif” pada bulan Ogos 2009 (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Penganjuran bengkel ini menyentuh tentang proses merancang dan menjalankan aktiviti serta membahaskan keperluan bergerak secara kolektif sama ada dalam bentuk idea mahupun tindakan. Idea yang diterapkan dalam bengkel tersebut telah diteruskan oleh anggota kolektif *Beverly Brigade* dengan menjalankan aktiviti kemasyarakatan yang bersifat perkongsian dan dukungan dalam bentuk kemahiran di pusat pergerakan mereka di “Neraka-14”.

Sepanjang mendiami rumah tersebut, kolektif *Beverly Brigade* telah menganjurkan bengkel percetakan baju, *stencil* dan *tie dye* serta kaedah mengendalikan perisian *photoshop* kepada masyarakat sekitarnya (Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020; Agus Sto, 15–25 Oktober 2020 dan Bam Haizal 24 Oktober 2020). Pada ketika itu, Agus Sto yang merupakan seorang pensyarah dalam bidang *graphic design* di *Cosmopoint* menjadi guru kepada anggota kolektif dan sempat bersama-sama mendirikan percetakan *Aware*

Clothing bagi menyampaikan mesej kepada masyarakat melalui cetakan baju. Walaupun, usaha yang mereka lakukan kurang mendapat perhatian, namun budaya kepedulian dan perkongsian pengetahuan terus berkembang. Secara umumnya, kebanyakan baju yang dicetak adalah bercorakkan kulit album *band Punk* yang mereka minati, baju rasmi dan *banner* untuk *backdrop stage band tour*. Keberadaan karya terbabit yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh Agus Sto membolehkan hasil kerja kolektif mereka mendapat perhatian daripada beberapa *band Punk* di Malaysia Barat dan antarabangsa antaranya *The Garrison, Carburetor Dung, Pusher, The Pips* dan Marjinal yang diabadikan dalam bentuk *official merchandise*. Meskipun kolektif *Beverly Brigade* terubuh dengan sendirinya pada tahun 2010 disebabkan beberapa orang penggeraknya memfokuskan untuk menghabiskan pengajian mereka, terdapat pula yang kembali ke kampung atau mencari penghidupan di Kuala Lumpur, namun kegiatan dalam *scene Punk* dan aktiviti kemasyarakatan tetap dijalankan. Perkara terbabit diusahakan melalui identiti *V for Volunteer* (V4V) yang menjadikan kedai Omega Shop sebagai pusat pergerakan baharu mereka di daerah Ranau.

Penubuhan Omega Shop oleh Rizo Leong dan Memeto Jack berlaku pada 5 Mac 2011 sebagai medium mengembangkan kreativiti dalam berkarya serta menjana sumber ekonomi untuk menampung keluarga. Kedua-dua matlamat ini berjalan seiringan dan membawa kepuasan kepada pasangan suami isteri tersebut kerana dapat melakukan sesuatu yang mereka minati. Malahan, dengan beredarnya masa menyaksikan Omega Shop dikembangkan menjadi sebuah kolektif yang diidentitikan sebagai *V for Volunteer* (V4V) setelah menjadi pusat perkumpulan dan perancangan projek bersama masyarakat sekelilingnya. Dalam hal ini, rakan-rakan yang bertandang ke Omega Shop bukan sahaja dari Daerah Ranau, tetapi juga rakan-rakan yang dahulunya menubuhkan kolektif *Beverly Brigade* (Krystie Ng, 9 November 2019; Rizo Leong, 15-25 Oktober 2020; dan Bam Haizal, 24 Oktober 2020). Dengan itu, Omega Shop tidak lagi dilihat sebagai sebuah kedai yang berukuran kecil, sebaliknya sebuah kolektif yang mempunyai matlamat besar kerana disulami dengan semangat *Punk* yang mandiri dan bersifat kritis terhadap persekitarannya. Atas sebab itu, kolektif ini menjual baju yang direka dan dicetak sendiri, termasuklah baju *band Punk* dan yang melaungkan kritikan atas permasalahan masyarakat (temu bual, Rizo Leong,

15–25 Oktober 2020). Semangat yang dipertahankan ini membolehkan ruangan kecil tersebut memberikan impak yang besar kepada masyarakat sekitarnya kerana kebanyakan karya yang dihasilkan mendapat perhatian khususnya dalam kalangan golongan muda.

Hakikat ini dapat dilihat apabila anggota kolektif di *V for Volunteer* mengangkat persoalan dominan dalam kalangan masyarakat Malaysia tentang isu beban hutang, pendidikan percuma dan masalah integriti dalam kalangan ahli politik. Dalam hal ini, isu terbabit merupakan keluh-kesah masyarakat dan diangkat sebagai modal berkempen parti pembangkang untuk mendapatkan sokongan rakyat menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 (2012). Meskipun begitu, anggotanya tidak pernah menganggap bahawa kolektif mereka adalah milik parti pembangkang, sebaliknya hanya sejalur dalam menyampaikan beban dan penindasan yang dirasai oleh masyarakat. Justeru itu, sebagai tanda sokongan kepada kehidupan masyarakat yang kurang terbela, maka kolektif ini menghasilkan baju bertemakan ‘Kami Bekerja Kerana Kami Berhutang’, ‘Sampai Mati Berhutang’ dan ‘Hapuskan PTPTN’ (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020; Mohamad Haziq Ikhsan Rudzainoor, 16 Oktober 2020; dan Syahrul Hamid, 11 Oktober 2020). Walaupun dicetak dalam kuantiti yang terhad dan sedikit jumlahnya, namun ‘teriakan’ daripada kolektif ini tersebar sehingga ke Malaysia Barat dan dibawa bersama dalam perarakan *Bersih*. Kritikan terbabit kemudiannya diperbesarkan melalui penghasilan karya bertemakan ‘Ampunkan Dosa Pemimpin Kami’ dan ‘Menolak Janji Pemimpin’ yang bersifat sinikal dalam mempersoalkan peranan ahli politik sebagai “yang berkhidmat (YB)”.

Penghasilan karya yang bersifat menggugat ini turut ditonjolkan melalui keprihatinan anggota kolektif terhadap keperitan hidup buruh yang tertindas akibat keserakahan kapitalis. Oleh sebab itu, mereka merayakan hari buruh sedunia kerana percaya dengan teori “nilai lebih” yang dikemukakan Marx dalam mengkritik eksploitasi kaum Borjuis. Usaha ini diperlihatkan dengan terhasilnya karya ‘Jeritan Hari Pekerja’, ‘Kuasa di Tangan Kaum Pekerja’ dan ‘*May Day* - Semua Pekerja Dengan Usaha Berbuat Sesuatu Layaknya Dipanggil Pekerja’ sebagai simbolik berdirinya mereka di belakang kaum buruh (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Tindakan merayakan hari buruh ini difahami dalam konteks perjuangan kaum buruh yang berjaya

mendapatkan sedikit haknya daripada kaum Borjuis dan bukannya sebagai perayaan kegembiraan tanpa matlamat sebenar. Dengan maksud lain, karya bertemakan hari buruh tersebut adalah atas kesedaran anggota kolektif tentang perjuangan panjang kaum buruh yang menggunakan kudrat dan tenaga manual secara maksimal, tetapi tidak mendapat pulangan yang selayaknya. Ketidaksetujuan kolektif ini terhadap tindakan bersifat penindasan juga dikemukakan melalui karya *'Police Bastard'*, *'Police is Good, Police is a Good Dog'* dan *'Rok N Rol Bastard'* yang secara terang-terangan mengkritik penyalahgunaan kuasa dan kekerasan pihak polis terhadap masyarakat awam yang sepatutnya dilindungi (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Kritikan sedemikian dihasilkan memandangkan kekerasan yang dilakukan oleh pihak polis semasa menangani perarakan *Bersih* dianggap tidak sepatutnya berlaku dan perlu dihentikan. Dalam hal ini, setiap warga dikatakan perlu dilayan secara baik berlandaskan peraturan undang-undang dan bukannya diperlakukan menurut kehendak ahli politik yang bermotifkan kelangsungan kuasa.

Di samping itu, anggota kolektif turut menghasilkan karya yang mempertanyakan tentang makna kebebasan yang dilaungkan di Malaysia buat sekian lamanya. Persoalan ini dilontarkan disebabkan konteks demokrasi yang sesungguhnya belum direalisasikan manakala proses pendemokrasian pula menghadapi jalan yang sangat berliku. Kepercayaan ini dibangunkan kerana masih banyak peraturan yang menyekat kebebasan bersuara dan bersifat menindas antaranya *'Internal Security Act'*, *'Sedition Act'*, 'Akta Universiti dan Kolej Universiti' serta 'Akta Rahsia Rasmi' bagi melindungi golongan tertentu, tetapi menciptakan budaya ketakutan dalam kalangan masyarakat kebanyakan yang jauh dari puncak kuasa. Akibatnya, pengkaji politik Malaysia menggelar amalan demokrasinya sebagai 'kuasi demokrasi', 'demokrasi tanpa konsensus', 'demokrasi terhad', 'demokrasi statis' serta 'demokrasi palsu dan separuh', sekali gus menafikan pelaksanaan demokrasi bersandarkan prinsip yang sepatutnya (Zakaria Ahmad, 1989; Vorys, 1975; Crouch; Jesudason, 1995; dan Case. 1993). Oleh sebab itu, kolektif ini mengkritik kepincangan peraturan tersebut melalui karya bertemakan 'Merdekakah Kita', *'Celebrate People History'*, *'Human Right'*, 'Kita Dipekakkan, Dibutakan, Dibisukan', *'Freedom'* dan *'Opposition Doesn't Mean Anti-Gov'*. Pada masa yang sama, mereka turut terlibat dalam penghasilan *stencil* di sekitar Pekan Ranau

mengenai kebebasan hak bersuara seperti ‘50th I.S.A Anniversary’, ‘Freedom on Speech’ dan ‘Human Right’. Menurut Rizo Leong, karya ini dihasilkan dan disebar-luaskan untuk mengkritik tindakan pihak berkuasa yang berselindung di sebalik ‘topeng’ demokrasi (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020).

Penghasilan karya sedemikian menunjukkan kepercayaan anggota kolektif bahawa ‘yang rasional itu nyata’ dan bukannya ‘yang nyata itu rasional’ (Jackson, 1987). Secara tidak langsung, pemikiran yang dibentuk oleh anggotanya selari dengan kepercayaan kelompok Hegelian Muda yang revolusioner dalam memaknakan konsep kebenaran pengetahuan. Perkara ini dapat dilihat apabila setiap karya mereka menunjukkan tidak semua perkara yang nyata itu rasional untuk dilaksanakan dan dipertahankan kerana peraturan sedia ada juga menciptakan kekalutan. Maka dengan itu, kepercayaan bahawa yang nyata itu sudah wujud dan manusia hanya perlu menyesuaikan kehidupan mereka dengan ke-nyata-an yang rasional ini adalah suatu yang ditolak oleh anggotanya. Sebaliknya, mereka percaya sesuatu yang bersifat rasional adalah ke-nyata-an yang sesungguhnya kerana undang-undang turut diselimiuti oleh persoalan kepentingan, ideologi dan kekuasaan sehingga menyebabkan penindasan dan keterpinggiran kelompok tertentu sering berlaku dalam sejarah manusia. Atas maksud terbabit, kolektif ini percaya sesuatu undang-undang yang tidak membebaskan manusia bermakna belum rasional dan untuk menyempurnakannya perlu disesuaikan dengan rasional yang ada sebagai suatu ke-nyata-an.

Oleh sebab itu, kolektif *V for Volunteer* berusaha memperkukuhkan ‘memori kolektif’ masyarakat Sabah melalui penghasilan *stencil* yang bertujuan ‘menolak lupa’ terhadap perjalanan sejarah negeri ini. Salah satu daripadanya diperlihatkan melalui karya bertemakan ‘*Double Six Tragedy in Loving Memory*’ yang dihasilkan Ray, Rizo Leong dan Mc Feddy Simon bagi mengajak masyarakat untuk mengambil tahu dan peduli terhadap peristiwa *Double Six*. Hal ini kerana, tragedi tersebut bukan sahaja menandakan kehilangan tokoh politik Sabah, tetapi juga pemikir dalam pembangunan Sabah pasca merdeka. Keperluan ini pula semakin mendesak sifatnya kerana laporan lengkap mengenainya tidak pernah dikeluarkan manakala generasi muda pula semakin melupakannya. Dengan itu, kolektif ini mengharapkan agar tragedi terbabit dapat digali kembali dan dikemukakan kepada masyarakat, sekali

gus membolehkan kedudukannya yang sekian lama dianggap misteri dapat dijernihkan. Disebabkan penglibatan aktif kolektif ini dalam membangunkan masyarakat menggunakan seni membolehkan mereka dijemput menjayakan acara ‘*Yellow Festival Fools*’ Kota Kinabalu pada tahun 2012. Rancangan penyertaan dalam acara ini telah dibincangkan (antara Rizo Leong dan Mc Feddy Simon) tentang identiti yang akan mewakili kolektif mereka dan kesepakatan akhirnya dicapai untuk menggunakan nama ‘Pangrok Sulap’ (temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019; Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020; Bam Haizal, 24 Oktober 2020).

Sebenarnya istilah ‘Pangrok Sulap’ bukan suatu yang baharu kerana Rizo Leong sudah menggunakannya dalam lukisan kartun sejak tahun 2010. Pada ketika itu, beliau aktif melukis kartun yang berkisahkan tentang permasalahan kehidupan rakyat biasa menggunakan bahasa tempatan. Dalam hal ini, kesemua kartun yang dihasilkan oleh Rizo Leong akan diletakkan perkataan Pangrok Sulap sebagai *tagline* kepada karya yang dihasilkannya (temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019; Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020; Bam Haizal, 24 Oktober 2020). Idea menggunakan *tagline* tersebut adalah untuk mewakili kehidupan mereka yang suka bermain muzik Punk dan disesuaikan dengan latar lukisan kartun yang berkaitan kehidupan di kampung. Oleh sebab itu, istilah ‘Pangrok’ adalah merujuk kepada salah satu genre muzik Punk yang dikenali sebagai ‘*Punk Rock*’ manakala “Sulap” berasal daripada perkataan Dusun yang bermaksud pondok tempat berehat¹ (temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019; Rizo Leong, dan, 15–25 Oktober 2020). Semenjak itu, rakan-rakan dari kolektif *V for Volunteer* menggunakan nama ‘Pangrok Sulap’ dalam setiap aktiviti yang disertainya, sebelum diangkat menjadi sebuah kolektif baharu selepas terinspirasi dengan kolektif Taring Babi yang digerakkan oleh band Marjinal. Usaha mencontohi kolektif terbabit diikuti secara dekat melalui saluran *YouTube* dan pembacaan di internet termasuklah berkarya melalui seni cetakan kayu sejak tahun 2012. Malangnya, penglibatan Pangrok Sulap dalam seni cetakan kayu tidak berdasarkan kaedah yang betul termasuklah menggunakan *plywood* dan papan lapis yang keras serta tidak sesuai untuk mengukir.

Walau bagaimanapun, usaha mempelajari seni cetakan kayu secara langsung hadir apabila Marjinal mengadakan jelajah Malaysia pada tahun 2013. Peluang ini tidak dipersiapkan oleh Pangrok Sulap dengan menciptakan lagu bertajuk “*aramaiti*” sempena menyambut kedatangan Marjinal ke Sabah (temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019; Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020; Julia Chan, 17 Mac 2017; Darly Goh, 5 November 2014). Pada masa sama, Pangrok Sulap juga bertindak menganjurkan bengkel yang bertemakan “Sehari Bersama Marjinal” untuk membahaskan soal muzik dan mempelajari seni cetakan kayu. Melalui bengkel tersebut Pangrok Sulap berjaya mendalami praktik seni cetakan kayu yang sebenar dan menjadikannya sebagai keutamaan dalam menyampaikan sesuatu. Walaupun mempelajari teknik sebenar cetakan kayu daripada Marjinal, namun konsep penghasilan karya Pangrok Sulap lebih dipengaruhi oleh kolektif Taring Padi. Pengaruh ini hadir selepas Pangrok Sulap melakukan carian lebih meluas tentang individu atau organisasi lain yang turut terlibat dalam aktiviti seni cetakan kayu sehingga mereka menemukan Taring Padi. Perkara ini diakui sendiri oleh Rizo Leong dengan menyatakan:

“Mula-mula kami jumpa Marjinal, kami cuba discover lagi. Selain daripada Marjinal siapa lagi yang buat. *So*, kami *check*, kami jumpa Taring Padi (TP). Mula-mula kami jumpa TP, tengok dari internet, google. Lepas tu saya tengok dia punya karya sangat radikal. Saya cuba hubungi mereka. Orang pertama yang saya dapat hubungi adalah Ari... Dia jual buku TP... Ada dua kali saya *order* sama mereka dan saya kongsi balik dengan kawan. Saya jual balik dengan kawan, tapi untuk *cover postage* saja. Tujuan saya adalah bagi tau sebenarnya *woodcut* itu, selain daripada Marjinal, ada lagi TP yang lagi radikal. Karya dia sangat merakyat. Saya jual pada kawan-kawan yang minat dan dari sana kami *start discover* tentang TP. Dia punya karya sangat menginspirasi. Sangat merakyat. Saya cuba tengok balik, apa yang mereka cuba sampaikan dalam mereka punya karya dan saya sangat suka yang tujuan TP adalah untuk *spread message*. Mereka tampal poster-poster di mana-mana sehinggalah saya jumpa Djuwadi, pada tahun 2015 di KL (TATF).

(temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019)

Maka sebab itu, kebanyakan karya kolektif Pangrok Sulap adalah bersifat pembongkaran dan pembelaan terhadap golongan terpinggirkan dan kelompok marhaen yang dikatakan sebagai ‘masyarakat tanpa sejarah’,

‘masyarakat yang dibisukan’ dan ‘wajah-wajah di khalayak ramai’ (Harvely J. Kaye, 1988; Badriyah Salleh, 2010). Secara tidak langsung, karya mereka berbicara tentang ‘sejarah orang-orang kecil’, ‘yang tiada nama’, ‘tiada kedudukan dan pengaruh ketara’ dalam perjalanan sejarah negara. Keadaan ini membolehkan semakin kerap rakyat Malaysia mendengar tentang ‘suara mereka yang jarang didengar’ berkenaan masyarakat tanpa negara, golongan buruh, korban keganasan, golongan miskin dan orang yang terpinggirkan. Keberpihakan kepada kelompok terbabit adalah bersandarkan kepercayaan anggotanya bahawa objektiviti ilmu pengetahuan tidak lagi ditentukan oleh persoalan ‘bebas nilai’, sebaliknya perlu bersifat emansipasi terhadap kelompok yang memerlukan. Bersandarkan kepada prinsip ini, gerakan mereka semakin diperbesarkan dari aspek keahliannya manakala ruang pergerakannya pula dipindahkan ke kawasan yang lebih luas. Perancangan ini diambil selepas Rizo Leong dan Memeto Jack bertindak menutup Omega Shop pada tahun 2014 dan menyewa bangunan rumah bekas tadika di Kampung Sinarut Baru, Ranau. Di pusat gerakan baharu ini menyaksikan kolektif Pangrok Sulap membangunkan identitinya sebagai ‘kotak suara’ masyarakat terpinggirkan yang bertujuan ‘menasionalkan persoalan lokal’ dan ‘mengglobalkan persoalan nasional’.

PANGROK SULAP: ‘MENASIONALKAN PERSOALAN LOKAL’ DAN ‘MENGLOBALKAN PERSOALAN NASIONAL’

Kelahiran kolektif Pangrok Sulap dalam pentas seni visual negara bukan sahaja mempopularkan kembali seni cetakan kayu sebagai media seni terawal, tetapi juga melahirkan ‘jiwa kesedaran baharu’ dalam kalangan pengikutnya. Hal ini kerana, kolektif terbabit menggunakan seni sebagai medium menyebarkan ‘mesej’ tentang permasalahan masyarakat serta memanfaatkan seni sebagai senjata memerangi ketaksamaan dan penindasan (*borneoartcollective.org*, 17 Jun 2016). Dalam makna lain, seni adalah ‘kenderaan’ kepada kolektif ini untuk memperoleh sedikit sumber penghidupan serta menjana kehidupan masyarakat yang diperjuangkannya. Atas faktor tersebut, mereka mewujudkan ‘dana komuniti’ bagi setiap penjualan karyanya agar projek komuniti yang menjadi teras utama perjuangan anggotanya dapat direalisasikan dari semasa ke semasa (temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019; Rizo Leong, 15–25 Oktober

2020). Melalui kaedah sedemikian membolehkan kolektif ini menghasilkan pendapatan dalam bentuk kewangan yang sebahagian besar disalurkan untuk aktiviti kemasyarakatan, mendapatkan kembali kos material serta menampung kehidupan mereka. Perkara tersebut diperincikan sendiri oleh Rizo Leong bagi menjawab keraguan masyarakat luar tentang pengurusan kewangan Pangrok Sulap yang diperoleh melalui kerjasamanya dengan komuniti iaitu:

Let's say, kalau ada 10 karya, sebab kita tau galeri akan ambil 50 peratus. *So*, bukan semua karya PS itu diambil 50 peratus. Ada beberapa karya yang kita mau ambil *full* sebab kita guna itu untuk projek komuniti dan A+ pun sangat faham. Dan A+ sangat setuju. Dan itu kenapa kami senang berurusan dengan A+. Sebab A+ dia ada kolektor dia sendiri yang dia jaga kan. *So, let's say* 10 *artworks* PS. Mungkin kita ambil dua *full* dan yang lain-lain 50 peratus. Yang dua *full* itu kita akan buat projek komunitilah. Jadi yang lain 8 itu, upah kita punya gaji, sebab kita pun ada bayar *bill* apa-apa. Macam itu kita punya rundingan sebenarnya dengan *gallery*. Kita bukan terikat sehingga PS tak boleh buat apa dan kena ikut aturannya. Tidak. PS *still free*. Kita buat saja apa-apa.

(temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019)

Pemulangan 'pendapatan' daripada kolektif Pangrok Sulap kepada masyarakat bukan perkara baharu kerana tindakan tersebut sudah dilakukan sejak mereka bernaung di bawah identiti *Vfor Volunteer*. Budaya perkongsian sebegini sekadar penerusan daripada gerakan sebelumnya dalam menyantuni masyarakat kampung di kawasan Pedalaman. Kesungguhan ini diperlihatkan melalui aktiviti jelajah Sabah yang digerakkan oleh anggotanya (2013) bagi berkongsi pengetahuan seni cetakan kayu kepada masyarakat. Sepanjang jelajah ini berjalan, kolektif terbabit sempat mengadakan bengkel di Daerah Tawau, Lahad Datu, Sandakan dan Beluran serta mempamerkan karya semasa mereka (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Tindakan serupa juga diteruskan dengan melakukan jelajah ke Malaysia Barat (2013 dan 2014) tanpa bantuan kewangan daripada sebarang pihak bagi memperluaskan jaringan dan mengangkat permasalahan masyarakat Sabah dalam konteks nasional. Selain daripada mengadakan jerayawara seni di tempat awam, kolektif ini juga memasuki ruangan institusi pendidikan yang kurang memberi peluang kepada seniman bebas untuk menyampaikan 'pesan' dan berkarya.

Sekiranya sekian lama, pemikiran daripada menara gading dibawa keluar dan disebarkan kepada masyarakat, sebaliknya melalui kolektif Pangrok Sulap “permasalahan” masyarakat dibawa masuk dan disebarkan ke menara gading

Secara umumnya, kolektif Pangrok Sulap mendapatkan inspirasi berkarya daripada kekayaan alam semula jadi dan budaya masyarakat Sabah, sekali gus mengetengahkan realiti sebenar melalui pertanyaan baharu ‘*to know Sabah*’ (temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019). Keadaan ini disebabkan, selepas 57 tahun Sabah membentuk Malaysia, matlamat pembangunan yang disasarkan kepada wilayah terbabit (Malaysia Timur) masih belum berjaya direalisasikan. Keterpinggirkan Sabah daripada arus pembangunan negara menjadikannya sebagai salah satu negeri termiskin di Malaysia, sedangkan wilayah ini mempunyai kekayaan sumber yang tidak ternilai harganya. Permasalahan ini diburukkan lagi apabila wujud ketidakseimbangan dalam wacana negara bangsa yang memusatkan kepada wilayah Malaysia Barat sehingga permasalahan masyarakat di Malaysia Timur kurang difahami. Oleh sebab itu, kolektif ini mengkritik ketidakadilan tersebut dengan meletakkan kedudukan Malaysia Barat bukan sebagai ‘sentrum’, tetapi sekadar ‘persilangan’ bagi menstrukturkan semula wacana pembangunan negara bangsa melalui penghasilan karya seni. Perbahasan baharu yang dikemukakan ini memiliki akar persoalan daripada masyarakat dan kemampuan mencerahkan masyarakat.

Salah satu daripada perkara utama yang mendapat perhatian kolektif Pangrok Sulap adalah masalah keserakahan kapitalisme. Pengaturan masyarakat di bawah sistem ini menyebabkan berlakunya krisis lingkungan bukan sahaja dari aspek penaklukan fizikal, tetapi juga ruang pemikiran. Sekiranya aspek ketenteraan digunakan untuk menakluki ruang fizikal, maka pembinaan korpus ilmu adalah bermatlamat menguasai ruang pemikiran (Shamsul Amri Baharuddin, 2011). Dalam hal ini, anggota Pangrok Sulap mendapati nilai kemandirian masyarakat semakin menghilang manakala nilai kebergantungan semakin membesar, sekali gus menjadikan manusia semakin alpa. Oleh sebab itu, sebagai aksi penentangan kepada keserakahan kapitalisme, kolektif ini berusaha membudayakan kembali semangat mandiri melalui falsafah ‘Jangan Beli, Bikin Sendiri’. Seruan ini disuarakan di setiap acara seni, di media sosial, di helaian baju, poster dan juga *patches* kerana

kebanyakan rakyat Malaysia masih berfikiran tentang kebergantungan kepada pihak berkuasa dalam kehidupan. Pada masa yang sama, semangat kemandirian ini ditekankan bagi mengurangkan pembelian barangan bersifat kehendak dan bukannya keperluan akibat hidup dalam ‘kesedaran palsu’. Tambahan pula, sikap mandiri tersebut sememangnya merupakan budaya yang dipraktikkan oleh masyarakat tradisi sebelum kehidupan moden mendarangi manusia, seterusnya membesarkan nilai individualistik dan mengecilkan nilai kolektivisme. Justeru itu, slogan ‘Jangan Beli, Bikin Sendiri’ adalah bersifat dua dalam satu masa iaitu (i) mengembalikan keterampilan kehidupan masyarakat tradisi dan (ii) menentang nilai moden yang memisahkan manusia.

Kesungguhan kolektif Pangrok Sulap dalam melestarikan tradisi dan melawan kapitalisme dilakukan melalui penghasilan karya yang mengangkat kearifan tempatan sebagai wacana tandingan kepada permasalahan sedia ada. Walau bagaimanapun, pemaknaan kearifan lokal kolektif ini pada awalnya lebih memfokuskan kepada kumpulan etnik Dusun sahaja. Keadaan yang berlaku mungkin dipengaruhi oleh budaya lingkungan dan kehidupan seharian anggotanya yang membesar di daerah Ranau dan seterusnya membentuk pola fikir kebanyakan daripada mereka. Perkara tersebut dapat diperhatikan dalam penghasilan karyanya seperti ‘*Beads Not Dead*’, ‘*Culture Attack*’, ‘Di Belakang Saya Ada Orang Kampung, di Belakang Orang Kampung Ada Saya’ dan ‘Jadi ko Ingat Asal Musim Perayaan Ubi sia Tumbuh Duit?’ yang menonjolkan sejarah dan budaya kumpulan etnik Dusun melalui paparan imej penduduk kampung, tokoh, pemakaian, kegiatan ekonomi dan juga latar geografi. Kebanyakan daripada karya ini dihasilkan semasa kolektif tersebut masih bertapak di daerah Ranau yang merupakan salah satu daripada pusat penempatan utama kumpulan etnik Dusun. Meskipun, karya awal ini bersentrikan Dusun, namun perjuangannya masih relevan kerana berasaskan permasalahan sebenar masyarakat terbabit. Dalam hal ini, kolektif Pangrok Sulap berusaha mengangkat realiti kehidupan kumpulan etnik Dusun yang sekian lama terpinggir dan menghadapi bahaya kepupusan warisan nenek moyang mereka. Atas sebab itu, mereka sentiasa menyokong aktiviti yang memperkasakan dan menyatukan kumpulan etnik Dusun di daerah Ranau antaranya menyertai Pesta Kubis (2013) dan berkolaborasi dengan Buku Jalanan Ranau dalam mengadakan bengkel cetakan kayu (2017) (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020).

Walaupun, kecenderungan awal karya kolektif Pangrok Sulap memfokuskan kepada kehidupan kumpulan etnik Dusun, namun tidak bermakna mereka menerima sentimen perkauman dibudayakan dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia. Malahan, kolektif ini berdiri sebagai benteng hadapan dalam mengkritik sentimen perkauman yang bertentangan dengan ajaran agama mahupun perundangan negara. Kebertanggungjawaban tersebut diperlihatkan melalui penghasilan karya yang lantang menolak sikap perkauman seperti ‘Semua Bangsa Tercipta Istimewa’, ‘Raikan Perbezaan’, ‘Kita Mempunyai Agama Berbeza, Bahasa Berbeza, Warna Kulit Yang Berbeza, Namun Kita Adalah Satu Bangsa Manusia’, ‘Ko Ingat ni Adik Bongsu, Bangsa Tatap Bangsa, Agama Tatap Agama, Agama Tiada Bangsa’ dan ‘Hentikan Perkauman’. Penyebaran slogan sedemikian diharapkan mampu mengurangkan sentimen perkauman dalam pembentukan bangsa Malaysia yang tampaknya “bercampur tetapi tidak bergabung” akibat terkesan dengan dasar ‘pecah dan perintah’ era kolonial dan permainan ahli politik untuk merebut kekuasaan. Dalam makna lain, kolektif terbabit mendorong masyarakat agar menerima perbezaan kerana yang berbeza itu tetap mengarah kepada satu (bangsa Malaysia). Dengan itu, wacana tentang pembentukan bangsa Malaysia tidak lagi terkepompong dalam kerangka pemikiran ‘minoriti – majoriti’, ‘kami – kamu’ dan ‘kita – mereka’, sekali gus merealisasikan bangsa idaman yang telah tertangguh sejak 70 tahun lamanya.

Di Sabah, sikap sederhana ini semakin mendesak untuk diperjuangkan kerana kerencaman etniknya lebih terserlah berbanding Malaysia Barat akibat ditentukan oleh kehendak 33 etnik yang berbeza dari aspek budaya, agama dan geografi. Meskipun saintis sosial percaya bahawa Sabah adalah model sebenar konsep ‘toleransi etnik’, ‘1 Malaysia’ dan ‘perpaduan kaum’, namun hakikat sebenar adalah sebaliknya (temu bual, Rodelio Junjun Taucan, 9 Ogos 2019; Tan Su Lin, 25 April 2018). Perkara ini dibuktikan melalui analisis dan wacana berkaitan politik dan sejarah Sabah yang sering menggunakan istilah ‘politik KDM’, ‘politik USBO’, ‘politik Cina’, ‘dominasi Pakistan’, ‘politik Bajau Pantai Timur’, ‘politik Bajau Pantai Barat’ serta ‘politik PATI’ (Eko Prayitno Joko *et al.*, 2018; Amrullah Maraining *et al.*, 2018). Perkara tersebut diperkukuhkan lagi apabila pembinaan identiti melalui pengistilahan seperti ‘orang asal’, ‘orang kita’, ‘orang asing’, ‘pendatang’, ‘bumiputera’, ‘bukan bumiputera’, ‘bumiputera Islam’ dan ‘bumiputera bukan Islam’ menjadi

topik perbuahan seharian. Justeru itu, kolektif Pangrok Sulap menentang keras pendiskriminasian terhadap sesuatu kumpulan etnik atau kelompok masyarakat tertentu dengan mengadakan kerjasama membangunkan kelompok terpinggirkan termasuklah orang tanpa negara. Atas kesungguhan ini, lahirlah karya bertemakan ‘Sekolah di Air, Impian di Gunung’ yang diilhamkan oleh Mukmin Nantan dan diukirkan oleh kolektif Pangrok Sulap sebagai tanda menyokong usaha membangunkan pendidikan anak tanpa negara oleh Sekolah Alternatif (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020).

Komitmen besar yang ditunjukkan oleh kolektif Pangrok Sulap dalam membangunkan masyarakat menyebabkan mereka semakin dikenali dan dicari untuk menjayakan sesuatu acara sama ada di dalam mahupun di luar daripada daerah Ranau. Perkara ini terbukti jelas apabila anggotanya diminta terlibat dalam acara ‘Perayaan Hari Orang Asal Sedunia’ (2014) yang bertemakan ‘Memartabatkan Institusi Orang Asal’. Pada tahun yang sama, mereka juga dijemput untuk mengendalikan bengkel cetakan kayu yang diadakan di daerah Ranau di bawah ‘Program Inovasi dan Kreatif’ bagi pembangunan belia di daerah Sandakan, Kinabatangan dan Tongod (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Semasa mengendalikan bengkel ini, anggotanya menghasilkan karya yang menggesa keterlibatan belia secara aktif dengan masyarakat sekitarnya melalui slogan ‘Belia Harus Banyak Aksi Sebelum Menjadi Beliau’. Begitu pula dalam menjayakan hari belia peringkat kebangsaan di Putrajaya (2014), kolektif ini mengangkat ketertinggalan belia Sabah berbanding Malaysia Barat khususnya dari aspek pembangunan. Walau bagaimanapun, perkara terbabit tidak dianggap sebagai halangan untuk belia Sabah ‘berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah’ dengan belia Malaysia Barat asalkan mereka sentiasa berusaha. Dukung terbabit dikemukakan melalui karya ‘Dari Kaki Gunung Kinabalu ke Putrajaya’ sebagai simbolik kejayaan dan pengiktirafan belia Sabah sehingga mereka dijemput menjayakan aktiviti tersebut di Malaysia Barat.

Memasuki tahun 2015 memperlihatkan kolektif Pangrok Sulap memainkan peranannya sebagai “kotak suara” penduduk di Ulu Papar yang menentang pembinaan Empangan Kaiduan melalui kerjasama dengan *The Task Force Against Kaidun Dam* (TAKAD). Bagi merealisasikan matlamat tersebut, kolektif ini mengumpulkan penduduk terlibat di Kampung Buayan untuk

mempelajari seni cetakan kayu yang akan dijadikan medium menyampaikan “mesej” mereka kelak (temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019; Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020; Julia Chan, 17 Mac 2017). Pemindahan pengetahuan dan kemahiran ini dianggap perlu memandangkan penduduk kampung tidak mempunyai pengetahuan tentang kaedah terbaik untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar. Melalui kerjasama yang terbina membolehkan suara penduduk kampung Buayan diketengahkan kepada masyarakat luar dengan terhasilnya karya bertajuk ‘Kami Generasi Muda Mempertahankan Ulu Papar’, ‘Solidariti Komuniti Hentikan Empangan’, ‘Kami Ada Kehidupan di Sini’, ‘Sungai dan Hutan Sumber Kehidupan Kami: *Save Ulu Papar*’, ‘Tolak Empangan’, ‘*Home Not Dam*’ dan “Empangan Membunuh Generasi Ulu Papar”. Kesemua karya ini telah disatukan dan dicetak menjadi karya yang lebih besar dengan slogan ‘Berjuang Untuk Generasi Akan Datang’ dan ‘*Stop Kaiduan Dam*’. Kesetiaan kolektif ini kepada permasalahan masyarakat membolehkan karya mereka mula ‘memanjat’ dinding studio dan galeri utama negara. Perkara tersebut terbukti apabila mereka dijemput menjayakan pameran ‘*Being Ma-Fil-Indo*’ (2015) anjuran *Japan Foundation* di Galeri Seni Sabah (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Dalam acara ini, anggota kolektif memilih untuk menggantung dua karya besar yang mengangkat persoalan keserakahan pemimpin dan keperluan bekerjasama bagi melahirkan ‘Lingkar Kesemakmuran Bersama *Ma-Fil-Indo*’.

Semangat membangun secara bersama ini kemudiannya dibawa oleh kolektif Pangrok Sulap ke jalan raya dengan mengajarkan anak gelandangan di Chow Kit, Kuala Lumpur kemahiran mencetak. Aktiviti tersebut telah dianjurkan oleh *Region of Love/Kolektif Bahuraksa* pada 23–24 November 2015 bagi membolehkan golongan terbabit menjana pendapatan tersendiri, sekali gus dapat memperkasakan kehidupan mereka (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Pada masa sama, kolektif ini juga sempat mengendalikan bengkel cetakan kayu anjuran *Tamu-Tamu Collective* pada 24 November 2015 yang bertemakan “*Make Beads, Not War*” di Rumah Titi, Kuala Lumpur (temu bual, Poliana Ronnie Sidom, 1 September 2016). Melalui acara ini, kolektif Pangrok Sulap menekankan tanggungjawab generasi kini untuk melestarikan warisan tradisi yang menjadi sebahagian daripada peradaban masyarakatnya. Sekiranya di Sabah, pembuatan manik merupakan kearifan tempatan yang mesti dipertahankan, maka masyarakat di Malaysia

Barat perlu melakukan perkara sama terhadap warisan tradisi mereka. Kepekaan anggota kolektif terhadap warisan tradisi ini seterusnya membawa kepada penghasilan karya baharu yang bertemakan “Tetap Dengan Tradisi, Lawan Kapitalisme”. Karya ini yang dihasilkan pada tahun 2016 adalah suatu pengukuhan terhadap kenyataan bahawa pengekaln dengan tradisi adalah satu bentuk penentangan melawan kapitalisme. Kepercayaan sama dikemukakan pada 29 Oktober 2016 semasa mereka dijemput mengadakan pameran di acara *Voice Out*, Keningau dengan menggantungkan empat lukisan yang mengkritik keserakahan kapitalisme sehingga mengakibatkan lingkaran ganas kemiskinan terus berjalan, kebebasan manusia dirampas, kehidupan tradisi semakin menghilang dan beban hutang semakin meningkat (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020).

Keserakahan kapitalisme ini pula diperlihatkan bukan hanya memberi kesan buruk kepada manusia, tetapi juga hidupan di persekitarannya. Keadaan ini disebabkan, pembangunan pesat yang dihadapi oleh masyarakat dunia termasuklah rakyat Sabah dilakukan secara berleluasa atas nama ‘pemodenan’. Dengan itu, kolektif Pangrok Sulap secara sedar mengelar era ini sebagai ‘*The Age of Development*’ dan mendesak agar bumi disejahterakan semula melalui slogan ‘*Peace on Earth*’ yang dikemukakan dalam karya mereka. Hal ini kerana, masalah pemanasan global, pencemaran sungai dan kepupusan flora dan fauna akan terus meningkat sekiranya sistem sedia ada terus dilaksanakan. Justeru itu, kolektif ini memberi penekanan kepada persoalan pemikiran sebagai aspek utama yang perlu ditransformasikan melalui karya ‘*We Consume, We Destroy*’, ‘*System Change Not Climate Change*’ dan “Masa Membangun, Masa Merosak Alam” sebagai saranan perubahan. Menurut anggota kolektif, sekiranya perkara tersebut tidak diambil peduli, maka bukan sahaja menyebabkan ‘*Rise for Climate*’ akan berlaku, tetapi juga meragut keseronokan manusia disebabkan penggantian tempat rekreasi dan bersosial dengan bangunan hotel, pejabat dan perumahan. Permasalahan ini dikemukakan melalui karya ‘*Capitalism Kill My Nostalgia*’ dan ‘Bumi Untuk Kita Nikmati Bersama, Bukan Untuk Borjuis’. Meskipun begitu, kolektif ini sebenarnya tidak bersikap anti-pembangunan, sebaliknya menyokong agenda pembangunan yang mampan selari dengan penilaian *Social Impact Assessment* (SIA) dan *Environment Impact Assessment* (EIA) melalui karya bertajuk ‘Membangun Alam’.

Pertambahan karya yang dihasilkan ini membolehkan pergerakan kolektif Pangrok Sulap kerap dilaporkan di dada akhbar, ditayangkan di televisyen dan diviralkan di media sosial sehinggakan semakin ramai orang yang mengunjungi pusat pergerakan mereka di Kampung Sinarut Baru, Ranau. Disebabkan pusat tersebut juga menjadi kediaman kepada Rizo Leong dan Memeto Jack, maka difikirkan adalah lebih baik sekiranya sebuah kedai dibuka berserta studio untuk mempamerkan karya mereka dan mengendalikan aktiviti forum, tayangan video dan juga bengkel percetakan. Atas faktor ini, kedai Omega Shop kembali dibuka pada tahun 2016 yang menempatkan hasil karya anggota kolektif dalam bentuk *patches*, baju mahupun poster (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Pembukaan kedai fizikal ini memudahkan pergerakan kolektif kerana karya mereka yang semakin banyak dapat disimpan di tempat yang sepatutnya. Maka tidak menghairankan, selepas menghadiri acara “*Rhythms of Rimba*” di *Rainforest Discovery Centre Sepilok*, Sandakan pada 20 Ogos 2016, anggotanya semakin giat menghasilkan karya yang bersaiz besar (*Daily Express*, 24 Julai 2015). Secara umumnya, penghasilan karya bersaiz besar tidak hanya dipengaruhi oleh ketersediaan ruang penyimpanan, tetapi juga dipengaruhi oleh keperluan melibatkan masyarakat dalam kerja dan percetakan Pangrok Sulap. Hakikat ini diperincikan oleh Rizo Leong seperti berikut:

Kalau sebab karya yang besar, kita boleh *include* semua orang untuk buat sama-sama dan dia boleh menjadi satu. Tapi kalau kita buat masing-masing, nanti orang yang tidak pandai buat pun dia susahlah. Dia tidak cantik buat. Dia tidak pandai buat. Macam tu kalau masing-masing. Tapi kalau kita buat satu karya besar, *first* kita boleh buat ramai-ramai dan kita boleh hasilkan karya yang besar sebab ramai *process* itu pun kita akan cetak bersama-sama. Kalau satu orang *print* mana boleh. Susahlah. Jadi kita boleh panggil ramai orang untuk cetak sama-sama. Dalam masa yang sama kita boleh main muzik, bagi *performance*. Kita main muzik, orang *enjoy*. Kita suka itu *positive energy* untuk buat sesuatu. *So*, bila kita main muzik, semua orang pun gembira, kita cetak sama-sama. Bila dia terhasil *artwork* itu, dia bukan milik siapa-siapa. Dia adalah milik *community* yang mana kita guna pakai nama PS.

(temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019)

Penglibatan kolektif Pangrok Sulap dalam acara *Rhythms of Rimba* membawa kepada penghasilan karya bertemakan kepelbagaian binatang sebagai simbolik kekayaan ekosistem Sabah. Walau bagaimanapun, dikhuatiri khazanah ini akan menghadapi kepupusan akibat keserakahan manusia yang terlalu mendambakan pembangunan dan keuntungan semata-mata. Menyedari perkara terbabit, anggota kolektif menunjukkan solidariti atas pengurangan jumlah penyu, orang utan dan gajah melalui karya ‘*This Land is Mine!*’, ‘*Stand for Us*’, ‘Jangan Beli Barangan Berasaskan Binatang, Duit Kamu Membunuh Mereka’ dan ‘Hentikan Santapan Yang Membunuh Hidupan’. Permasalahan ini kembali dikemukakan semasa menjayakan bengkel cetakan kayu dan pameran hasil karya mereka di beberapa acara seni di Malaysia Barat antaranya Iskarnival Naratif yang diadakan pada 15 Oktober 2016. Perkara sama juga diperlihatkan semasa kolektif terbabit menghadiri acara ‘*Escape from the SEA*’ yang diadakan di *Art Printing Works* (APW) dan Balai Seni Visual Negara (BSVN), Kuala Lumpur pada 24 Februari hingga 23 April 2017 dalam konteks “dua wajah Sabah”. Hal ini dapat dilihat apabila karya bertemakan ‘Sabah Tanah Air-Ku’ di APW mengangkat masalah budaya rasuah dan isu pembalakan yang tidak berkesudahan sehingga menyebabkan kepupusan hidupan, jurang kemiskinan semakin meluas dan penjarahan warisan Sabah terus berkesinambungan. Sedangkan karya Pangrok Sulap di BSVN yang bertemakan ‘Sabah Negeri Merdeka’ melalui Malaysia pula lebih menekankan persoalan sebaliknya dengan memaparkan kehidupan harmoni masyarakatnya yang kaya dengan sumber warisan tradisi.

Akibatnya, karya ‘Sabah Tanah Air-Ku’ telah diturunkan kerana dianggap sensitif dan menyentuh politik tanah air menyebabkan kolektif Pangrok Sulap mengambil keputusan menarik semua karya mereka daripada acara ‘*Escape from the SEA*’. Hal ini kerana, anggota kolektif berpendapat karya di APW dan BSVN mempunyai perkaitan antara satu sama lain dan sekiranya diturunkan, maka mesej yang ingin disampaikan tidak akan difahami. Tambahan pula, mereka menentang keras sekatan ‘kebebasan bersuara’ yang sepatutnya diraikan dalam sistem demokrasi negara dan menyatakan penurunan karya mereka pada 26 Februari 2019 adalah simbol ‘penghilangan secara paksa’ kreativiti dan permasalahan rakyat Sabah (temu bual, Nadia Azam, 14 Mac 2017; Julia Chan; 17 Mac 2017; Terece Toh, 5 Oktober 2018). Meskipun begitu, Jerome Manjat menyatakan kejadian tersebut tidak pernah

mematahkan semangat anggota Pangrok Sulap untuk terus menghasilkan karya yang menggugat dan menggugah demi kebaikan bersama rakyat Malaysia. Atas semangat ini, anggota kolektif kembali memeriahkan acara ‘*Rainforest World Music Festival*’ pada 14 Julai 2017 di Kuching, Sarawak dan ‘*Borneo Art Fest*’ pada 29 September 2017 di Pulau Labuan. Di samping mengendalikan bengkel cetakan kayu di setiap acara yang disertai, mereka turut mempamerkan karya berkaitan permasalahan masyarakat terpinggirkan dan kepupusan hidupan di Sabah. Usaha terbabit kemudian dipanjangkan semasa mengikuti ‘*The 300 Exhibition Chapter II*’ yang dianjurkan oleh *Sabah Art Gallery* dari 4 Disember 2017 hingga 4 Mac 2018 (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Sepanjang acara ini berlangsung selama 3 bulan lamanya, kolektif Pangrok Sulap menggantung karya mereka yang bertemakan ‘Kisah Orang Kampung’ untuk dipamerkan. Menurut Rizo Leong, tindakan ini memungkinkan wujudnya semangat kekitaan dan kebanggaan dalam kalangan penduduk kampung kerana penghasilan karya tersebut dilakukan secara bergotong-royong bersama Pangrok Sulap. Perkara ini dapat ditelusuri melalui kenyataan berikut:

Satu, sebab itu peluang untuk kita bawa cerita apa ada yang di Sabah pergi ke luar. Dan itu juga boleh jadi satu inspirasi untuk orang lain. Dari sekecil-kecil kolektif boleh pergi yang macam itu. Kalau orang kampung, kalau macam PS buat kerja komuniti dengan orang kampung, *then* kita bawa lagi *work* itu sampai pergi pameran diluar, dia jadi satu kebanggaan orang kampung tau, mereka macam [oh inilah yang kita buat bersama-sama, boleh sampai pergi di sana PS begini]. Secara tidak langsung, mereka ada itu aura PS.

(temu bual, Krystie Ng, 9 November 2019)

Di samping memberikan perhatian kepada permasalahan masyarakat terpinggirkan dan hidupan di persekitarannya, kolektif Pangrok Sulap juga menyokong acara seni yang dianjurkan oleh rakan aktivis di sekitar Kota Kinabalu. Perkara ini dapat diperhatikan apabila mereka turun menjayakan ‘Festival Seni Kolektif Pandang ke Borneo’ anjuran Borneo Komrad yang diadakan pada 3 Mac 2018. Semasa acara ini berlangsung, anggota kolektif diberikan tanggungjawab untuk mengadakan bengkel cetakan kayu kepada pengunjung kerana kemampuan hasil kerja dan karya mereka dalam mengangkat permasalahan lokal dalam konteks nasional.

Setelah menyelesaikan tanggungjawab yang diberikan, anggota kolektif menyelesaikan perancangan mereka untuk membuka kedai baharu di Alamesra yang juga berhampiran dengan pusat pergerakan Borneo Komrad menjadikan wujudnya ‘dua organisasi, tetapi satu tujuan’. Pembukaan kedai ini dicatatkan berlaku pada 10 Mac 2018 yang secara rasminya menandakan penutupan kedai Omega Shop Ranau untuk digantikan dengan *Earth Printworks (Studio EP Art Space)* (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Secara umumnya, pembukaan kedai baharu ini difikirkan perlu untuk kelangsungan kolektif itu sendiri kerana kawasan tersebut lebih mudah untuk dijangkau berbanding mengekalkan pusat pergerakan mereka di Daerah Ranau. Aktiviti berbengkel juga mudah untuk dilakukan kerana mampu menarik penyertaan lebih ramai orang manakala material yang diperlukan senang diperoleh daripada sekitar bandar Kota Kinabalu (temu bual, Krystie Ng, 9 November 2020). Perkara ini menjadi semakin mendesak apabila Rizo Leong yang kehilangan ayah beliau sangat terkesan dan sukar untuk kembali memulakan kerja di Omega Shop akibat terletak berhampiran dengan pusara ayahnya (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Atas sebab itu, Rizo Leong mengambil keputusan untuk menggerakkan kolektif Pangrok Sulap di luar Daerah Ranau dan kembali ke Kota Kinabalu.

Selepas *Earth Printworks* selesai dibuka, kolektif Pangrok Sulap telah diterbangkan ke Malaysia Barat untuk mengendalikan bengkel cetakan kayu yang dianjurkan oleh Ilham Galeri. Pengendalian bengkel ini diadakan pada 6 April 2019 di Kuala Lumpur yang bertemakan ‘Belajar Bersama’ sebagai saranan untuk saling berkongsi pengetahuan dan kemahiran kerana ‘setiap orang adalah guru’ (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Pada awal bulan Mei 2018 pula, menyaksikan anggota kolektif sibuk menghasilkan karya berkaitan pembinaan literasi politik masyarakat Sabah melalui karya seni. Hasilnya, muncullah karya dengan slogan ‘Tindakan Hari ini Untuk Masa Hadapan’, ‘Jalan Terbaik Adalah Mengubah Jalan Kerajaan’, ‘Kerana Wang Semuanya Tumbang’, ‘Sejahtera Rakyat Tanpa Beban Hutang Negara’, ‘RAKYAT Menang, Rakyat Yang Tidak MENANGgung Beban’, ‘Nikmati Hasil Minyak Bukan Hutangnya’, ‘Air Dalam Paip Bukan Dalam Almari’, ‘Negeri ini Bukan Untuk Kroni Sahaja’ dan ‘Tolak Kleptokrasi, Tumbang Tirani’ sebagai isu besar yang hangat diperkatakan dalam kalangan rakyat Malaysia. Apabila Malaysia baharu dibentuk dengan tumbangnyanya Barisan

Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum ke-14, kolektif ini tetap dengan tanggungjawab mereka berkongsi pengetahuan dan mengangkat permasalahan masyarakat Sabah kerana berpendapat *'I don't think the government cares about the people. But the art makes them listen'* (*Freemalaysiatoday*, 9 Mei 2016). Kepercayaan ini dibuktikan melalui penglibatan mereka dalam acara *'Borneo Bengkel'* pada 7 Julai 2018 di *Rainforest Fringe*, Kuching, Sarawak (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020). Kesempatan mengadakan bengkel di Sarawak ini membolehkan kolektif terbabit berkongsi pengalaman dalam membangunkan sebuah kolektif kepada gerakan seni bebas di wilayah terbabit seperti HAUS KCH, 9 Lives dan Catama Borneo.

Kesibukan aktiviti kolektif Pangrok Sulap semakin terlihat jelas apabila mengendalikan bengkel cetakan kayu serta mengadakan pameran solo pertama yang dikendalikan oleh *A+ Work of Art* di Kuala Lumpur dari 4 hingga 27 Oktober 2018 (*Lopung is Dead: Pangrok Sulap*, 2019). Pameran ini yang bertemakan *'Lopung is Dead'* memaparkan karya kolektif terbabit yang pernah dipamerkan di acara *Ma-Fil-Indo* dan *Escape from the SEA* termasuklah karya kontroversi mereka yang bertajuk *'Sabah Tanah Air-Ku'*. Penganjuran ini membolehkan rakyat Malaysia buat pertama kalinya dapat melihat kembali karya tersebut selepas diturunkan daripada acara *Escape from the SEA*. Karya ini juga kemudiannya dibawa dan dipamerkan oleh anggota kolektif semasa menghadiri acara *'The 9th Asia Pacific Triennial of Contemporary Art'* pada 24 November 2018 di *Queensland Art Gallery and Gallery of Modern Art* (QAGOMA), Australia (temu bual, Dinesh Kumar Maganathan, 29 Disember 2018). Selepas itu, kolektif Pangrok Sulap menghadiri pula acara seni *'Kochi Muziris Biennale'* yang diadakan dari 12 Disember 2018 hingga 29 Mac 2019 di India dengan tema *'Possibilities for a Non-alienated Life'*. Sepanjang menghadiri acara tersebut, anggota kolektif bekerjasama dengan sukarelawan dari Kerala untuk menghasilkan karya besar berkaitan kehidupan masyarakat perbukitan di pesisir Malaysia Barat India (JD Sen, 28 Disember 2018). Sekembalinya kolektif ini ke tanah air, mereka terlibat pula dengan acara *'Democracy in Action Art Exhibition'* yang diadakan pada 13 Februari hingga 17 Februari 2019 di Publika, Kuala Lumpur. Persidangan ini yang bermatlamat “meraikan demokrasi di Malaysia, memperbaharui komuniti di Asia Tenggara dan mempromosikan hak asasi untuk semua” membolehkan Rizo Leong mewakili anggota kolektif dalam

membentangkan karya kontroversi mereka yang bertemakan “Sabah Tanah Air-Ku” di hadapan Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia (Darly Goh, 16 Februari 2019). Semasa menyampaikan mesej karya kolektif kepada Perdana Menteri, Rizo Leong menyatakan:

“Tun, ini bukan sekadar seni. Intinya di sini tentang hak-hak rakyat Sabah. Isu yang ada dalam karya “Sabah Tanah Air-Ku” ini salah satunya mengenai Batu Sumpah Keningau yang mana plat asalnya diubah dan perkataan [kerajaan Malaysia jamin] telah dibuang dari plat Batu Sumpah ini pada perayaan 16 September 2014”

(facebook *Pangroksulap*)

Setelah menyelesaikan tanggungjawab mereka di Kuala Lumpur dalam mengangkat permasalahan rakyat Sabah, kolektif Pangrok kemudiannya meraikan ‘Festival Seni Kolektif: Pandang ke Borneo’ di pusat pergerakan baharu Borneo Komrad di Kampung Suang Parai, Sepanggar. Acara ini yang dijalankan pada 8 Mac 2019 mempertanggungjawabkan anggota kolektif untuk mengendalikan bengkel cetakan kayu kepada pengunjung dan kanak-kanak di Kampung Suang Parai sebagai kemahiran baharu dalam memperkasakan kehidupan mereka kelak. Budaya perkongsian yang diterapkan oleh kolektif ini kemudiannya membawa mereka ke Nagoya, Jepun selepas dijemput menjayakan pameran ‘*Aichi Triennale*’ yang berlangsung dari 1 Ogos hingga 14 Oktober 2019 (temu bual, Rouwen Lin, 31 Mac 2020). Acara ini yang bertemakan ‘*Taming Y/our Passion*’ menampilkan pengantungan karya bertajuk ‘*Falls of Evolution*’ daripada Pangrok Sulap yang mengkritik kegagalan pembangunan seimbang dan menyeluruh di belahan dunia. Di samping mempamerkan karya mereka, anggota kolektif juga berkesempatan mengadakan bengkel dan pameran di sekitar Nagoya, Shitara-cho, Yokohama dan Tokyo. Setelah itu, kolektif Pangrok Sulap telah diterbangkan ke Hong Kong untuk mengikuti acara seni di *Centre for Heritage Arts and Textile* yang diadakan pada 16 Mac hingga 30 Jun 2019. Di acara tersebut, Pangrok Sulap diberikan penghormatan sebagai peserta pembukaan dan kemudiannya mengendalikan bengkel cetakan kayu (*Centre Heritage Arts and Textile*, 15 Mac 2019). Dengan itu, terhasilnya karya ‘*Live and Survive*’ yang mengkritik pembangunan berleluasa sehingga menyebabkan kemusnahan kawasan hutan dan pertanian, kepupusan warisan budaya dan

tradisi lainnya, sekatan kebebasan bersuara serta tindakan kekerasan pihak berkuasa dalam menangani kelompok yang turun berdemonstrasi di jalan. Kesempatan lain diperoleh anggota kolektif untuk meluaskan jaringan dan mengangkat permasalahan rakyat apabila dijemput mengikuti pameran ‘*Les Extatiques*’ di Paris, Perancis dari 27 Jun hingga 10 Oktober 2019 (*La Gazett de la Défense*. 3 Julai 2019 - N°40). Dalam acara ini, kolektif Pangrok Sulap berpeluang mempamerkan sepuluh karya mereka yang menggabungkan latar kemajuan Perancis dengan budaya dan kekayaan warisan tradisi Sabah di *Paris La Defence*. Pencapaian ini adalah sangat membanggakan kerana acara terbabit bukan saja merupakan pameran terbuka yang terbesar di Eropah, tetapi juga turut disertai oleh Bansky yang dihormati melalui penghasilan grafiti di dinding Bristol, British sejak tahun 1990-an (temu bual, Iffah Dilaney, 13 Oktober 2019).

Pada penghujung tahun 2019, kolektif Pangrok Sulap terlibat dalam wacana dan bengkel di *Canopy Centre*, Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia. Acara tersebut yang diadakan pada 25 November 2019 bukan sahaja bertujuan berkongsi pengetahuan tentang seni cetakan kayu dan pergerakan mereka hampir sedekad lamanya, tetapi juga merancang untuk menjalankan projek bersama di kemudian hari (*Kumparan*, 26 November 2019). Kerjasama sebegini diharapkan dapat memaparkan permasalahan masyarakat di Kepulauan Borneo yang sememangnya terkebelakang berbanding wilayah di pusat serta mengembangkan lapangan seni masyarakatnya. Sementara itu, di awal tahun 2020, kolektif ini mengikuti pula acara ‘*Dhaka Art Summit*’ di Bangladesh yang diadakan pada 7 Februari hingga 15 Februari 2020. Walau bagaimanapun, sebelum acara tersebut dijalankan, anggota kolektif juga sempat bekerjasama dengan *Art Mediator* di Shilpakala Academy, Dhaka untuk mengendalikan bengkel cetakan kayu pada 14 Januari 2020 (temu bual, Surya Praphulla Kumar, 11 Februari 2020). Hasil karya daripada bengkel ini telah digunakan oleh pihak penganjur untuk mencetak baju semasa festival ‘*Dhaka Art Summit*’ berlangsung. Pada masa yang sama, sebuah karya besar yang mengangkat tema ‘keharmonian’, ‘toleransi’ dan ‘kasih sayang’ dalam kalangan masyarakat Bangladesh yang berbilang etnik dan kepercayaan telah dihasilkan dengan tema ‘*Celebration with everyone*’ (temu bual, Rizo Leong, 15–25 Oktober 2020).

Kepekaan kolektif Pangrok Sulap terhadap permasalahan di persekitarannya turut dipertunjukkan apabila pandemik COVID-19 melanda negara sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada 18 Mac 2020. Peraturan baharu ini yang bertujuan membendung penyebaran penyakit tersebut dianggap sebagai langkah terbaik untuk memutuskan rangkaian COVID-19 yang semakin membesar di Malaysia. Keadaan ini bukan sahaja membuatkan ramai rakyat Malaysia kehilangan punca pendapatan, tetapi juga mengakibatkan ‘barisan hadapan’ negara terpaksa bertungkus lumus bekerja untuk membantu masyarakat dan membangunkan semula negara. Oleh itu, bagi menghargai pengorbanan ‘barisan hadapan’ negara dan memberi kesedaran tentang bahaya COVID-19 kepada masyarakat, maka anggota kolektif bekerja keras menghasilkan karya bertemakan COVID-19. Atas inisiatif ini membolehkan terhasilnya karya yang bertajuk ‘Kesihatan dan Keselamatan Untuk Semua, Tanpa Mengira Bangsa, Agama, Status dan Kerakyatan’, ‘*Stay Strong: Things Will Get Better Soon*’, ‘*Stay at Home: Manusia Kepala Batu*’, ‘*I Stay at Work for You, You Stay at Home for Everyone*’, ‘*You’ll Never Walk Alone*’, ‘*Keep Calm and Stay Healthy: The World is Coming Together to Fight Covid-19*’ dan ‘Saban Hari Kes Bertambah. Jangan Jadi Punca. Duduk Rumah. Cegah COVID-19 Bersama’ (temu bual, Rouwen Lin, 31 Mac 2020). Setelah itu, kolektif ini kemudiannya menjalankan penjualan karya terbabit dan sebahagian daripada hasilnya telah disalurkan kepada pihak yang memerlukan. Pada 24 Julai hingga 26 Julai 2020 pula, Pangrok Sulap mempamerkan karya bertemakan COVID-19 yang telah dihasilkannya di Sabah International Convention Centre (SICC) dengan tema ‘*MASKED: Making Peace with Our Limitations*’.

Malahan, apabila Dewan Undangan Negeri (DUN) dibubarkan secara tergesa-gesa oleh Datuk Seri Panglima Shafie Apdal pada 30 Julai 2020, kolektif Pangrok Sulap turut memberikan reaksi terhadapnya. Hal ini kerana, pembubaran DUN terbabit adalah disebabkan oleh persaingan kuasa antara Tan Sri Panglima Musa Aman dengan Datuk Seri Panglima Shafie Apdal dalam merebut kerusi Ketua Menteri Sabah. Tindakan yang dicituskan oleh kedua-dua ahli politik terbabit sehingga membawa kepada Pilihan Raya Negeri Sabah ke-15 bukan sahaja mendapat kritikan daripada banyak pihak, tetapi juga mendapat perhatian daripada anggota kolektif Pangrok Sulap. Hal ini kerana, pemain politik di Sabah dilihat lebih mengutamakan kepentingan diri

berbanding kepentingan rakyat memandangkan usaha melawan COVID-19 belum selesai manakala keadaan ekonomi negara juga belum stabil. Dengan itu, kolektif ini mengkritik perkara tersebut sehingga terhasillah karya seperti ‘Manifesto Bukan Kitab Suci’, ‘Hanya Kerana Kerusi, Kita Semua Mati’, ‘Hentikan Budaya Politik Menjilat’, ‘Sebelum PRN itu Gajah Terbang, Selepas PRN Sayap Dia Talapas! Awas! Wakil Tipu Rakyat Jangan Salah Pilih’, ‘Ada Aspal, Ada Undi: Yang Selalu Berjanji Siou Noh!’, ‘Pilihan Raya Pecat Wakil Rakyat’, ‘Wakil Rakyat Seharusnya Merakyat’, ‘Pilihan Raya di Tangan Anda’ dan ‘Pilih Wakil Rakyat Macam Pilih Durian atau Tarap, Dua-dua Bermusim, Kadang Dua-dua Buruk’. Kritikan yang ditonjolkan berkaitan kerakusan kuasa antara pemain politik ini terbukti benar apabila masalah penularan penyakit COVID-19 semakin meningkat menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) antara Daerah dikuatkuasakan semula pada 3 Oktober 2020. Akibatnya, rakyat kebanyakan terus terkesan dengan masalah ekonomi kerana diberhentikan kerja, putus sumber pendapatan serta terbeban dengan masalah hutan.

KESIMPULAN

Kehadiran kolektif Pangrok Sulap dalam pentas seni negara memperbesarkan lagi ‘suara’ masyarakat terpinggirkan yang sekian lama terasing daripada arus pembangunan sedia ada, sekaligus memberi harapan baharu kepada kelompok tersebut untuk mengetengahkan permasalahan mereka kepada masyarakat dunia. Keadaan ini disebabkan, gerakan seni kolektif terbabit melewati batas bernegara demi ‘menasionalkan persoalan lokal’ dan ‘mengglobalkan persoalan nasional’. Kesedaran anggotanya terhadap perkara ini dimunculkan melalui kedekatan mereka kepada ideologi *Punk* yang menekankan tentang idea persamaan, sikap anti-kemapanan, anti-penindasan dan semangat solidariti antara sesama manusia. Pengaruh *Punk* yang sangat identik dengan anggota kolektif ini adalah kelangsungan daripada gerakan *Beverley Brigade* dan *V for Volunteer* yang kemudiannya membentuk Pangrok Sulap. Maka, dapat dilihat semangat mandiri sangat ditekankan oleh perjuangannya melalui slogan “Jangan Beli, Bikin Sendiri”

yang diadaptasi daripada etika *Do it Yourself* (DIY) *punk*. Hakikat ini dapat dilihat apabila gesaan dilakukan terhadap masyarakat agar hidup secara mandiri dan keluar daripada “kesedaran palsu” yang ditanamkan oleh sistem kapitalisme dalam kehidupan masyarakat moden. Semangat penentangan ini dikemukakan melalui pelbagai karya kolektif Pangrok Sulap yang dapat ditemukan dalam bentuk poster, *patches* mahupun cetakan baju sehingga gesaan mereka tersebar ke pelbagai penjuru dunia. Kini, selepas sedekad lamanya, Pangrok Sulap semakin dikenali oleh masyarakat dunia sebagai kolektif yang sentiasa bersinggungan dengan masyarakat terpinggirkan dan hidupan di persekitarannya secara *praxis* sehingga menggugat kedudukan pihak berkuasa. Kenyataan ini terbukti apabila karya yang dihasilkan kadangkala dianggap ‘berbahaya’, ‘mengancam’ dan ‘menggugah’ sehingga terpaksa ‘didiamkan’, sekali gus memungkinkan kenyataan ‘Hubaya, Hubaya Dari Gunung’ dilaungkan sekali lagi.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penulisan yang akan diterbitkan dalam buku *Sedekad Seni Merakyat* sempena menghargai 10 tahun kewujudan kolektif Pangrok Sulap dalam pentas seni visual Sabah.

NOTA Hujung

- * Secara umumnya individu yang mendiami rumah di Beverley Hill adalah silih berganti, namun penggerak *Beverly Brigade* ialah seperti Rizo Leong, Bam Haizal, Awang Sulfallah, Well E. Mali, Rico Leong, Acha Saywell, Myron dan Ladem Nazri.
- ** Rumah Neraka – 14 adalah bersempena nama blok dan nombor rumah yang mereka diami iaitu “blok N, rumah 14-0”. Daripada itu, mereka kembangkan menjadi “Neraka-14” untuk mewakili pusat pergerakan *Beverly Brigade*.
- ¹ Antara individu terawal yang membentuk Pangrok Sulap adalah Rizo Leong, Mc Feddy Simon dan Jerome Manjat, diikuti oleh penglibatan rakan-rakan lama dari *Beverly Brigade* (Beverley Hill) dan *V for Volunteer* (Omega Shop).

RUJUKAN

- Abdulgani, H. R. (1976). *Soetomo yang saya kenal*. Jakarta: Yayasan Idayu.
- Amrullah Maraining *et al.* (2018). Bugis di Sabah dan PRU-14: Kajian kes Parlimen Kalabakan. *Jurnal Kinabalu, Edisi Khas PRU14*, 19–46.
- Badriyah Salleh. (2010). *Tahun 1945–1957 dalam sejarah Malaysia: Isu nasionalis kiri/kanan, sejarah dari atas/bawah, sejarah yang patut/tidak patut*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Baima, Nicholas Ryan. (2015). *Truth, knowledge and the value of false belief in plato*. Tesis PhD. (Tidak diterbitkan). Washington University, Missouri.
- Bertrand Russell. 1993. *Sejarah falsafah barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Case, W. (1993). Malaysia: The semi democratic paradigm. *Asian Studies Review*, 17(1), 75–82.
- Centre Heritage Arts and Textile*. 15 Mac 2019.
- Colleen Morgan. (2015). Punk, DIY, and anarchy in archaeological thought and practice. *Journal in Public Archaeology*, 15, 123–146.
- Crouch, H. (1996). *Government and society in Malaysia*. Singapore: Talisman Publishing.
- Dinesh Kumar Maganathan. (29 Disember 2018). APT9, the largest art event featuring contemporary art from Asia Pacific region. *The Star*.
- Eko Prayitno Joko *et al.* (2019). Sentimen primordial dan kesedaran politik dalam pembangunan politik Sabah: Penelitian terhadap PRU-14. *Jurnal Kinabalu, Edisi Khas PRU14*, 77–110.
- Jackson, M.W. (1987). The real and the rational. *International Studies in Philosophy*. 19(1), 13–19.
- Jesudason, J. V. (1995). Stasis democracy and the limits to civil society in Malaysia. *Journal Commonwealth and Comparative Politics*, 33(3), 335–356.
- Julia Chan. (17 Mac 2017). So, what is Pangrok Sulap art collective or social activist or both? *Malaymail*.
- Kaye, H. J. (1988). *Selected essays of George Rude - The face of the crowd: Studies in revolution, ideology and popular protes*. New York: Harvester, Wheatsheaf.
- Kropotkin, P. (1902). *Mutual aid: A factor of evolution*. McClure Phillis & Co.
- Kumparan*. 26 November 2019.
- La Gazett de la Défense*. 3 Julai 2019 - N°40.
- Makagon, D. (2015). Underground: The subterranean culture of DIY punk shows. *Journal of the International Association for the Study of Popular Music*, 6(1), 154–156.

- Mohamad Kamal Abd. Aziz. (2016). *Kritikan seni dari perspektif sosio-budaya di Malaysia* Tesis PhD. (Tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Moran, I. P. (2010). Punk: The do-it-yourself subculture. *Social Sciences Journal*, 10(1), 58–65.
- Plekhanov, G.V. 2007. *Seni dan kehidupan sosial* (Terj. Samandjaja). Jakarta: Key Renaissance.
- Ratcliffe, S. (2016). *Oxford essential quotations*. Oxford: Oxford University Press.
- Rodelio Junjun Taucan. (9 Ogos 2019). Sabah lambang perpaduan dalam kemerdekaan negara. *BorneoToday*.
- Rouwen Lin. (31 Mac 2020). Sabah's Pangrok Sulap delivers woodcut prints with Covid-19 Messages. *The Star*.
- Sahakian, W.S. (1968). *History of philosophy*. New York: Barnes Nobles Books.
- Sen, J.D. (28 Disember 2018). Malaysian Group Pangrok Sulap spellbinds biennale crowd with performance – Oriented printworks. *The New Indian Express*.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2011). *Ilmu kolonial dalam pembentukan sejarah intelektual di Malaysia: Sebuah pandangan*. Bangi: Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Nursyahidah Syed Annuar *et al.* (2016). Punk dan budaya penentangan: Kajian kes Rumah Api. Kuala Lumpur. *Journal of Malaysian Studies*, 34(1), 107–133.
- Sudarminta, J. (2002). *Epistemologi dasar: Pengantar filsafat pengetahuan*. Yogyakarta: Kanisius.
- Surya Praphulla Kumar. (11 Februari 2020). Following seismic movement at the Dhaka art summit. *The Hindu*.
- Tan Su Lin. (25 April 2018). Gereja lama dijadikan masjid, lambang keharmonian penduduk Sabah. *Astroawani*.
- Teeuw, A. (1984). *Sastera dan ilmu sastera: Pengantar teori sastera*. Jakarta: Dunia Pustaka Jaya.
- The Liang Gie. (1976). *Garisbesar estetik: Filsafat keindahan*. Jogjakarta: Penerbit Supersukses.
- Verhaak, A. (1991). *Filsafat ilmu pengetahuan, telaan atas cara kerja ilmu*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Vorys, K.V. (1975). *Democracy without consensus: Communalism and political stability in Malaysia*. Princeton: Princeton University Press.
- Yahya Ismail. (1967). *Bimbingan sastera Melayu moden*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu.
- Zakaria Ahmad. (1989). Malaysia: Quasi-democracy in a divided society. Dlm. Larry Diamond *et al.* (Ed.). *Democracy in Developing Countries*. Boulder: Lynn Reinner Publishers.

TEMU BUAL

Agus Sto secara dalam talian. 15–25 Oktober 2020.

Bam Haizal secara atas talian. 24 Oktober 2020.

Mohamad Haziq Ikhsan Rudzainoor secara dalam talian. 16 Oktober 2020.

Rizo Leong secara atas talian. 15–25 Oktober 2020.

Syahrul Hamid secara atas talian. 11 Oktober 2020.

Borneo Art Collective bersama Pangrok Sulap. *borneoartcollective.org*. 17 Jun 2016.

Krystie Ng Bersama Rizo & Memeto Jack bertempat di Lostgens. 9 November 2019.